

## HILAL DAN IBADAH PUASA

### DISEDIAKAN OLEH: JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

Perlaksanaan ibadah dalam Islam mempunyai kaitan rapat dengan fenomena alam cakerawala seperti pergerakan bulan, bumi dan matahari. Amalan ibadah puasa juga dilakukan dalam batas waktu yang ditetapkan berdasarkan kepada pergerakan bulan.

#### **Keutamaan bulan Ramadhan**

Abu Hurairah menceritakan bahawa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda, “apabila bulan Ramadhan datang, maka pintu-pintu langit dibuka, sedangkan pintu-pintu Jahannam ditutup dan setan-setan dibelenggu.”

*Hadis Riwayat Bukhari, Kitab: ‘Puasa’ (30), Bab: disebut Ramadhan Atau Bulan Ramadhan? (5)*

#### **Definisi Puasa**

- Dari segi bahasa puasa bermaksud menahan diri daripada sesuatu.
- Manakala dari segi syarak, puasa bermaksud menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar sadiq hingga terbenam matahari, dimulakan dengan niat berpuasa, kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahuwata’ala.

#### **Definisi Rukyah**

- Penentuan awal bulan Hijri berdasarkan Rukyah Hilal seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam*.
- Proses mencerap anak bulan (hilal) pada waktu petang hari ke 29 setiap bulan hijri bagi memastikan hilal sudah wujud atau belum.
- Menentukan takwim bulan hijri dan takwim solat

## **Apakah Itu Hilal?**

- Hilal merupakan perkataan arab yang bermaksud anak bulan. Hilal ialah fasa bulan yang terawal boleh dilihat selepas Ijtimak yang menunjukkan sebahagian kecil dari permukaan bulan yang bercahaya. Ia kelihatan seperti satu lengkung cahaya halus seperti sabit.
- Maksud sebenar frasa "anak bulan" adalah bulan sabit pertama yang kelihatan, iaitu selepas persilangan dengan matahari. Anak bulan dalam makna asal ialah bulan sabit muda yang menandakan bermulanya bulan dalam kalendar lunar seperti takwim hijri, dan kalendar lunisolar seperti kalendar Ibrani, Hindu dan Buddha.

## **Menentukan awal Ramadhan dilakukan dengan salah satu dari dua cara berikut:**

1. Melihat hilal Ramadhan.
2. Menggenapkan bulan Syaaban menjadi 30 hari.

## **Kaitan hilal dengan puasa di dalam Al-Quran dan Hadis**

Amalan ibadah puasa juga dilakukan dalam batas waktu yang ditetapkan berdasarkan kepada pergerakan bulan.

Firman Allah Subhanahuwata'ala yang bermaksud:

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa”.

*Al-Baqarah : 185*

## Wajibnya Berpuasa Ramadhan Dan Berbuka Kerana Melihat Hilal

Abdullah bin Umar meriwayatkan bahwa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* menyebutkan tentang bulan Ramadhan. Lalu beliau bersabda, “janganlah kalian berpuasa hingga kalian melihat hilal dan janganlah pula kalian berbuka hingga kalian melihatnya. Jika kalian terhalang oleh awan maka perkirakanlah jumlahnya (genapkanlah 30 hari).”

*Hadis Riwayat Bukhari, Kitab: “Puasa”(30), Bab: Sabda Nabi Sallallahu alaihi wasallam: “Apabila Kalian Melihat Hilal, Maka Berpuasalah” (11)*

Abu Hurairah *radiallahuanhu* berkata, Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* -atau ia berkata-, “Abul Qasim *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda, “berpuasalah kalian kerana melihatnya (hilal) dan berbukalah kerana melihatnya pula. Jika kalian terhalang oleh awan maka sempurnakanlah bilangan hari bulan Syaaban menjadi 30 hari.”


*Hadis Riwayat Bukhari, Kitab: “Puasa”(30), Bab: Sabda Nabi Sallallahu alaihi wasallam: Apabila Kalian Melihat Hilal, Maka Berpuasalah Dan Apabila Kalian Melihatnya, Berbukalah” (11)*

Dari keterangan al-Quran dan hadis di atas jelas menunjukkan batas waktu amalan ibadah puasa berpandukan peredaran bulan mengelilingi bumi. Awal dan akhir Ramadhan ditentukan dengan amalan merukyah hilal di ufuk barat selepas matahari terbenam. Apabila hilal kelihatan bermulalah ibadat puasa atau menjelangnya satu syawal.

## Kaedah Penentuan Awal Bulan Hijri

Negara Malaysia mengguna pakai kaedah Imkanur Rukyah (kebolehnampakkan anak bulan) dengan menggunakan kriteria-kriteria berikut:-

- I. Ketinggian anak bulan di waktu terbenam matahari tidak kurang dari **2 darjah**  
**serta**
- II. Jarak lengkung antara anak bulan dan matahari di waktu terbenam matahari tidak kurang dari **3 darjah**  
**atau**
- III. Umur bulan diwaktu terbenamnya (iaitu bulan itu sendiri) tidak kurang dari **8 jam** selepas berlakunya ijtimak



## Penutup

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad penentuan permulaan Ramadhan dan Syawal terletak kepada pengisytiharan yang dibuat oleh pihak kerajaan. Tarikh penetapan permulaan puasa bulan Ramadhan 2020 pada 24 April (Jumaat) bagi negeri-negeri seluruh Malaysia nanti akan diumumkan secara rasmi oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial bin Syed Ahmad secara langsung melalui radio dan televisyen sekitar jam 8 malam pada hari Khamis, 23 April 2020 bersamaan 29 Syaaban 1441H.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Dato' Ismail Kamus (2009), Indahnya Hidup Bersyariat, Telaga biru sdn. Bhd.

Kassim bin Bahali (1999), Seminar Penghayatan ilmu Falak menjelang alaf baru pada 7-9 Ogos 1999, Balai Islam, Lundang Kota Bharu Kelantan)

Kassim bin Bahali (2000),Rukyah dan Hisab penentu Syawal, Berita harian, Dis.2000.

Kassim bin Bahali, Rislal Falak ke7, Persatuan Falak Syari Malaysia.

Kassim bin Bahali, Penentuan awal bulan hijrah, Seminar penghayatan Ramadhan 1422H.

Muhammad Fuad Abdul Baqi (2015), Muttafaqun 'Alaih, Sahih Bukhari Muslim (Himpunan Hadits Sahih Yang Disepakati Imam Bukhari & Imam Muslim, Beirut Publishing.

[https://ms.wikipedia.org/wiki/Anak\\_bulan](https://ms.wikipedia.org/wiki/Anak_bulan)

<https://www.mukminun.com/2018/04/wajib-memulai-puasa-ramadan>